

Headline	TNB, kerajaan negeri kerjasama tingkat penggunaan RE		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Dec 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Selangor & KL	Page No	36
ArticleSize	233 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 11,922		



TNB, kerajaan negeri kerjasama tingkat penggunaan RE

KUALA LIPIS - Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengatur kerjasama bersama kerajaan negeri untuk penggunaan tenaga boleh diperbaharui (RE).

Pengarah (Bahagian Peruncitan) TNB negeri, Rozianis Mohd Noor berkata, beberapa program dalam meningkatkan jumlah penggunaan sumber tenaga terbabit sudah diatur.

Menurutnya selain mendekati pengguna, pihaknya mengambil pendekatan termasuk sesi penerangan bersama anak-anak syarikat negeri itu.

"Pada Khamis lalu, kita mengadakan penerangan bersama 30 anak-anak syarikat negeri untuk menjelaskan bagaimana RE boleh membantu kerajaan negeri, anak-anak syarikat dan untuk menggunakan elektrik supaya lebih jimat.

"Menerusi program ini ia akan menjadi lebih efisien dan setakat ini beberapa anak syarikat berminat memasang teknologi ini," katanya kepada pemberita selepas program Kembali ke Sekolah TNB 2018 bagi Dun Jelai dan Dun Tanah Rata di Dewan Orang Ramai Kuala Medang, kelmarin.

Pada majlis itu, seramai 300 murid dari empat sekolah iaitu



Rozianis (tengah) bersama Wan Rosdy (dua, kanan) pada Program Kembali ke Sekolah di Dewan Orang Ramai Kuala Medang.

Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Medang, SK Tanjung Gahai, SK Telanuk dan SK Mensun menerima barangan keperluan persekolahan bernilai RM200 setiap seorang.

Hadir sama, Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy yang menyerahkan sumbangan kepada penerima terpilih.

Ujarnya, TNB menyasarkan penggunaan RE di negara ini sebanyak 20 peratus pada 2025 berbanding penggunaannya setakat ini iaitu dua peratus.

Dalam pada itu Rozianis mem-

beritahu, program tersebut adalah aktiviti CSR TNB dan tahun ini, dua Dun terbabit terpilih dengan peruntukan sebanyak RM60,000.

Menurutnya, ia adalah sebahagian daripada 5,000 yang dikenal pasti di seluruh Semenanjung dan Sabah bagi sesi persekolahan 2019.

"Ia adalah sebahagian agenda besar TNB dalam bidang pendidikan terutama kepada golongan kurang berkemampuan," katanya.